



JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

JPK.IP.(UU):130 JLD 4(40)

Kepada: Semua Koperasi

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 14 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN MENGENAI KEPERLUAN MUDAH TUNAI MINIMUM

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah Peraturan 43 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 untuk memastikan wang deposit dan simpanan khas yang diterima oleh koperasi dapat diselenggara dengan cekap dan berkesan.

2. LATAR BELAKANG

Mengikut peruntukan di bawah Seksyen 50(d) dan (e) Akta Koperasi 1993, wang sesuatu koperasi boleh diperolehi daripada simpanan khas dan deposit yang diterima daripada anggota dan bukan anggota. Bagi memastikan koperasi mempunyai keupayaan untuk membayar balik deposit dan simpanan khas yang diterima, koperasi hendaklah menyimpan sejumlah mudah tunai yang minimum untuk memenuhi pengeluaran segera.

3. DEFINISI

"Deposit" bermaksud wang yang didepositkan oleh anggota dan bukan anggota;

"Simpanan khas" bermaksud wang didepositkan oleh anggota bagi tujuan khas;

"Mudah tunai" bermaksud aset seperti wang di dalam bank, baki deposit dengan bank atau institusi kewangan, surat cara hutang (wang jangka pendek) seperti bil perbendaharaan atau surat cara lain yang boleh ditukar kepada wang tunai tanpa banyak kerugian nilai.

4. KEPERLUAN MUDAH TUNAI MINIMUM

Jumlah mudah tunai minimum koperasi pada sesuatu masa hendaklah ditetapkan pada kadar yang tidak kurang daripada 10 peratus daripada jumlah wang deposit, dan simpanan khas yang diterima daripada anggota dan bukan anggotanya pada setiap masa. Bagi koperasi yang hendak menyimpan mudah tunai kurang daripada 10 peratus daripada jumlah wang deposit yang diterima, permohonan hendaklah terlebih dahulu dikemukakan kepada Ketua Pendaftar untuk kelulusan.

5. AM

Semua koperasi hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhinya adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

(DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi
Malaysia

s.k Timbalan Ketua Pengarah (Kawal Selia)

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Dan Pengurusan)

Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat

Semua Pendaftar Koperasi Negeri